

Ambil alih 40 peratus kepentingan

EKUITI Nasional Bhd (Ekuinas) meluaskan portfolio perniagaannya dengan mengambil alih 40 peratus kepentingan dalam syarikat penyedia pengehosan web dan perkhidmatan awan, Exabytes Capital Group (Exabytes) untuk sejumlah RM44 juta.

Ekuinas mempunyai pilihan untuk menambah kepentingannya sehingga 54 peratus, katanya dalam kenyataan hari ini.

Dilancarkan pada 2001, Exabytes memberi perkhidmatan kepada lebih 100,000 pelanggan di Asia Tenggara, termasuk individu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat senaraian awam dan agensi kerajaan.